

8

P . I . N . T . A . R

Khairunnisa Mohd Isa, Muhammad Reduan Yahaya, Siti Khadijah Ibrahim & Saedah Mohamed Hussein
Sekolah Rendah Xishan


ABSTRAK

Pakej pengajaran P.I.N.T.A.R diusahakan dengan tujuan untuk memupuk minat membaca dan mengukuhkan penguasaan bahasa Melayu murid serta melahirkan murid P.I.N.T.A.R, iaitu Produktif, Inovatif, Nadi jati, Tampil yakin, Aktif dan Reflektif. Pakej pengajaran dan pembelajaran ini dihasilkan untuk murid-murid Darjah 1 dan 2. Bahan utama yang digunakan untuk menyediakan pakej ini ialah buku besar pakej MEKAR dan beberapa elemen daripada *Strategies for Teaching English Language Learning And Reading (STELLAR)* yang digunakan oleh Jabatan Bahasa Inggeris. Aktiviti-aktiviti dirancang berdasarkan Kecerdasan Pelbagai (MI) oleh Howard Gardner. Rancangan pengajaran bagi buku besar pakej MEKAR pula telah diubah suai dengan terperinci.

Pengenalan

P.I.N.T.A.R adalah sebuah pakej pengajaran dan pembelajaran yang dihasilkan bagi murid Darjah 1 dan 2. Matlamat pakej ini adalah untuk melahirkan murid PINTAR. Akronim P.I.N.T.A.R bermaksud **P** – Produktif, **I** – Inovatif, **N** – Nadi Jati, **T** – Tampil Yakin, **A** – Aktif dan **R** – Reflektif. Elemen-elemen P.I.N.T.A.R ini saling melengkapi dalam membina sikap positif untuk menjadi seorang murid yang serba boleh dalam bidang yang diceburi.

P	I	N	T	A	R
Produktif	Inovatif	Nadi Jati	Tampil Yakin	Aktif	Reflektif
Murid terangsang untuk memberikan respons	Murid bersifat inovatif dan kreatif dalam memberikan andaian	Murid berpegang pada nilai-nilai murni (SEL)	Murid bertutur dengan yakin	Murid harus giat berusaha dan sentiasa bertenaga	Murid membuat refleksi diri pada setiap akhir pembelajaran



Kajian Lepas

Buku '*Primary Grade Children - Learning English as Speakers of Other Languages in Hong Kong*' yang dihasilkan Ng Seok Moi dan Claudia Sullivan pada tahun 2008 menunjukkan keberkesanan pendekatan *Strategies for Teaching English Language Learning And Reading* (STELLAR). Strategi ini digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris. STELLAR

bermula daripada terhasilnya *Reading and English Acquisition Program* (REAP) pada tahun 1965.

REAP merupakan antara beberapa program bacaan yang mula-mula diperkenalkan di sekolah-sekolah rendah. Program ini bertujuan untuk memperbaik pembelajaran bahasa dan menanamkan sifat-sifat positif. Program ini banyak menerapkan elemen-elemen yang terdapat dalam STELLAR seperti *Shared Book* (SB) dan *Language Experience Approaches* (LEA). Program REAP kemudiannya diperbaik dan diubah suai untuk disesuaikan dengan keadaan pembelajaran yang lebih baik.

Program yang telah diperbaik ini kemudiannya diuji cuba di sekolah-sekolah di Hong Kong dengan pantauan bagi tujuan kajian. Ternyata, program ini membantu murid yang bukan penutur bahasa Inggeris untuk menguasai Bahasa Inggeris. Program yang dinamakan *Integrated English Language Program* (IELP) ini juga berjaya menarik minat murid melalui aktiviti-aktiviti dan sesi amali yang merangsang murid untuk melibatkan diri secara aktif. Melalui pemantauan yang dibuat, program ini berjaya menekankan kepada pelajar kepentingan untuk menguasai kemahiran bahasa.


Program IELP ini seterusnya dikaji semula dan diperbaik mengikut konteks pembelajaran di Singapura. Akhirnya, program ini diterapkan dalam pembelajaran di sekolah dengan pembaharuan yang dibuat berdasarkan pemantauan dan kajian yang berterusan. Program yang kini dinamakan *Strategies for Teaching English Language Learning And Reading* (STELLAR) merupakan hasil sebuah kajian pembelajaran yang telah terbukti efektif dalam pembelajaran Bahasa Inggeris.

STELLAR menerapkan prinsip-prinsip seperti yang berikut:

- Murid boleh berfikir dan bercakap tentang perkara/situasi yang mereka alami.
- Murid boleh meluahkan perasaan melalui lukisan dan penulisan.
- Pemikiran murid yang dihasilkan melalui lukisan mahupun penulisan dapat diterima golongan pembaca yang lain.
- Murid boleh membaca apa yang ditulis oleh mereka mahupun orang lain contohnya guru.

Melihat keberkesanannya STELLAR dalam pengajaran dan pembelajaran, kami terangsang untuk menggunakan ciri dan prinsip STELLAR dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Kaedah Kajian



Perancangan

Bahan utama yang digunakan ialah buku besar yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan. Kami menerapkan beberapa elemen STELLAR seperti *Shared Book Approach* (SBA), *Modified Language Experience Approach* (MLEA) dan aktiviti dirancang menggunakan Kecerdasan Pelbagai oleh Howard Gardner. Rancangan pengajaran bagi buku besar MEKAR memang sudah disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan. Namun, rancangan pengajaran ini dirancang kembali secara terperinci berdasarkan keupayaan murid di sekolah kami. Terdapat empat rancangan pengajaran yang padat bagi satu buku besar. Empat rancangan pengajaran ini merangkumi pelajaran ‘SBA1’, ‘Mari Meneroka’, ‘SBA2’ dan ‘Mari Menguasai Bahasa’.

SBA1 merupakan proses mengenalkan murid kepada buku besar yang digunakan. Fokus untuk SBA1 adalah untuk mengenalkan tajuk dan kandungan cerita kepada murid. Guru akan membaca cerita dan murid pula mendengar dan memberikan respons.

Murid mengalami pembelajaran di luar darjah dalam Mari Meneroka. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan berkaitan dengan tema buku besar yang dibaca. Murid digalakkan untuk belajar berasaskan pengalaman.

Pendekatan SBA2 pula merupakan proses murid membaca secara kendiri. Sebelum ini, murid telahpun didedahkan kepada tajuk dan kandungan buku besar yang dibaca melalui proses SBA1. Murid dapat mengikut gaya dan cara guru membaca. Guru hanya menjadi pemerhati dan fasilitator kepada murid.

Mari Menguasai Bahasa merupakan proses yang terakhir. Proses ini menyentuh bahagian-bahagian bahasa yang terdapat di dalam cerita seperti tanda baca, kata tanya dan sebagainya.

Prosedur Kajian

Pembelajaran P.I.N.T.A.R bermula dengan proses pramembaca. Guru menggunakan klip video sebagai induksi kepada buku besar yang akan dibaca. Klip video ini mengandungi kosa kata yang akan dipelajari dalam pelajaran itu. Melalui klip video ini, murid dapat meneka tema atau jalan cerita yang akan dibaca. Penggunaan klip video yang dihasilkan oleh guru dan murid dijadikan bahan induksi dan penutup untuk pembelajaran di dalam bilik darjah.

Kandungan video ini bertemakan isi cerita buku besar. Tujuan utama klip video ini adalah untuk menunjukkan dan menyerlahkan lagi bakat murid bekerjasama kepada rakan murid yang lain. Murid diharapkan dapat membina keyakinan diri dan terangsang untuk menonjolkan bakat lakonan dan nyanyian mereka apabila menonton klip video ini.

Guru kemudian menggunakan kaedah SBA1 untuk membacakan cerita kepada murid. Guru menggunakan frasa-frasa rangsangan yang boleh merangsang minda murid untuk bertanya dan berbincang bagi mengetahui lebih dalam mengenai isi kandungan buku besar itu. Guru mahu melahirkan murid-murid yang aktif bukan sahaja dalam bermain tetapi juga berfikir. Dengan ini, murid menjadi lebih **produktif** dalam memberikan respons dan pendapat dalam setiap perbincangan kelas.

Setelah murid melalui proses SBA1, murid akan melakukan aktiviti Mari Meneroka. Dalam aktiviti Mari Meneroka, murid akan terlibat dalam aktiviti pembelajaran di luar darjah. Tentu sekali aktiviti ini dirancang berdasarkan tema isi cerita buku besar yang telah dibaca oleh murid. Guru menggalakkan murid untuk bergerak dan belajar secara **aktif** berdasarkan pengalaman. Dengan meneroka alam semula jadi, murid akan lebih teruja untuk belajar. Pada akhir aktiviti Mari Meneroka, murid diajak untuk membuat refleksi agar murid bersikap **reflektif** terhadap setiap perbuatan dan pengalaman yang dilalui oleh mereka.


Kini, murid lebih bersedia untuk pelajaran SBA2. Murid sudahpun mengetahui dengan lebih lanjut tema buku besar yang dibaca melalui aktiviti Mari Meneroka. Murid sudah bersedia dan **tampil yakin** untuk membaca buku besar secara kendiri dan menjawab frasa-frasa rangsangan yang diajukan oleh guru. Melalui aktiviti Mari Meneroka, murid dapat memberikan andaian secara kreatif dan **inovatif**, apatah lagi kini mereka lebih yakin kerana sudah pernah melalui aktiviti yang bersangkutan dengan tema cerita.

Murid kini sudah boleh membaca buku besar secara kendiri. Secara bertahap-tahap, komponen bahasa diselitkan semasa aktiviti Mari Menguasai Bahasa. Komponen bahasa yang diajar kepada murid merupakan komponen bahasa yang mudah terdapat di dalam buku besar. Dengan cara ini, murid dapat menguasai bahasa Melayu sekaligus membolehkan mereka bertutur dan menulis menggunakan bahasa Melayu yang betul.

Sifat cinta akan bahasa Melayu harus diterapkan di dalam diri murid pada

umur yang muda. Pelajaran bahasa yang berperingkat dapat membina **nadi jati** seseorang murid itu sebagai seorang Melayu.

Lingkaran proses P.I.N.T.A.R



Kesimpulan

Guru mendapati bahawa kurangnya minat membaca buku Melayu dalam kalangan murid berlaku kerana murid berasa begitu asing dengan bahasa Melayu. Mereka tidak dapat mengaitkan apa yang dibaca dengan pengetahuan sedia ada mereka seperti mana yang dikatakan oleh Jean Piaget, seorang pakar psikologi dan ahli falsafah yang terkemuka.

“Social constructivism, an educational theory originally accredited by Jean Piaget, suggests that experiences are what best fuel knowledge. When we put learning through the ultimate exercise of doing something practical, the ultimate result is a better internalization of the learning material. ”

Pakej P.I.N.T.A.R menitikberatkan pembelajaran melalui pengalaman kerana kami percaya, murid dapat menguasai pemahaman dengan lebih baik jika mereka terlibat sama dengan aktiviti yang dijalankan.

Penerapan STELLAR ke dalam Pakej P.I.N.T.A.R ini merupakan suatu pendekatan yang diharapkan dapat merangsang minat murid untuk membaca buku cerita dalam bahasa Melayu dan mengaitkan kandungan bacaan dengan pengalaman mereka. Pada masa yang sama, kami mengharapkan penguasaan

bahasa Melayu murid akan bertambah baik. Sekaligus, lebih banyak aktiviti menarik akan dirancang dan diperkembang agar bersesuaian dengan tahap murid dan topik.

Pakej P.I.N.T.A.R ini tidak lain adalah untuk menambah nilai bahan pembelajaran pakej MEKAR yang sedia ada agar pembelajaran bahasa Melayu menjadi lebih aktif dan menyeronokkan.

Rujukan

Ministry of Education Singapore (2009). Strategies for Effective and Engaged Development of pupils in Primary Schools. Volume 2A The Leadership Perspective.

Ministry of Education Singapore (2010). Strategies for Effective and Engaged Development of pupils in Primary Schools. Volume 3 The Learning Perspective.

Salhah Abdullah (2009). Kecerdasan Pelbagai Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran. PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd, Kuala Lumpur.

NG Seok Moi & Claudia Sullivan (2008). Primary Grade Children Learning English as Speakers of Other Languages in Hong Kong.

<http://portal.jnu.edu.cn/publish/uploadFile/2970/eWebEditor/20100701070114518.pdf>.